



MOHD HARUN (kedua dari kanan) menyerahkan surat tawaran kepada kakitangan akademik UMS.

K/tangan UMS naik pangkat, diberi status tetap digesa bekerja keras

DE 3-12-13 6

Neil Chan

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Datuk Dr Mohd Harun Abdullah menggesa kakitangan akademik dan bukan akademik yang dinaikkan pangkat dan diberi status kakitangan tetap agar tidak berpuas hati dengan tugas mereka tetapi harus bekerja lebih keras.

“Oleh itu, pesanan saya kepada kakitangan yang dinaikkan pangkat, jangan berpuas hati dengan status yang diperolehi. Teruskan untuk mendidik orang muda dengan rasa tanggungjawab, amanah dan mengamalkan etika sebagai seorang ahli akademik UMS.

“Saya berharap kenaikan pangkat pada hari ini akan menjadi batu loncatan kepada anda untuk meneruskan kerja keras untuk kemajuan kerjaya pada masa hadapan dan untuk keceMERLANGAN universiti,” katanya.

Mohd Harun berkata demikian pada majlis penyerahan surat tawaran untuk kenaikan

pangkat kepada Kakitangan Akademik dan pengesahan Status Tetap kepada Kakitangan Bukan Akademik di bangunan Canselori UMS pada Isnin.

Majlis itu diadakan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang, bukan hanya dari segi akademik.

Mohd Harun menambah kenaikan pangkat kakitangan bukan satu hak tetapi universiti akan sentiasa menghargai dan mengiktiraf pencapaian cemerlang oleh kedua-dua kakitangan akademik dan bukan akademik.

Katanya proses kenaikan pangkat yang dijalankan di UMS adalah berdasarkan merit dan hanya kakitangan yang benar-benar memenuhi kriteria akan dinaikkan pangkat.

Pada majlis itu seramai 45 kakitangan akademik dinaikkan pangkat dan 38 kakitangan bukan akademik diberi status kakitangan tetap.